



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000
: 04-774 4010
Faks : 04-733 0910
: 04-733 8717
: 04-774 4578
: 04-774 4643

Ruj Tuan :
Ruj Kami : (15) dlm .P.Kw.N.(K)1521 Jld.2
Tarikh : 25 Mac 2015
04 Jamadilakhir 1436

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

Y.B Dato'/YAA Dato'/ Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL.3 TAHUN 2015 Garis Panduan
Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2016 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan cadangan anggaran hasil jabatan-jabatan negeri bagi tahun 2016.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.3 Tahun 2015 yang mengandungi garis panduan bagi penyediaan anggaran hasil tahun 2016 yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak Y.B Dato'/YAA Dato'/ Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.
3. Kerjasama serta perhatian dari pihak Y.B Dato'/YAA Dato'/ Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perlaksanaan pekeliling ini amatlah dihanggai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
"KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"**

Saya yang menurut perintah,

HELMI BIN YAHYA, AMK., BCK.)

Ketua Penolong Pegawai Kewangan
(Analisis & Pemantauan Pelaburan)
b.p Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

S.k Yang Berhormat Dato' Jaya Budiman
Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Yang Berhormat
Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Jabatan Audit Negeri

"KAMI PENERIMA PENSIJILAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S"





Semua Ketua Jabatan Negeri/
Ketua Jabatan Persekutuan
Negeri Kedah Darul Aman

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.3 TAHUN 2015
GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2016
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan anggaran hasil jabatan-jabatan Negeri Kedah Darul Aman bagi Tahun 2016. Ketua jabatan hendaklah memastikan supaya Anggaran Hasil jabatan dapat disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

2.0 SENARIO HASIL NEGERI

- 2.1 Belanjawan 2015 yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit yang lebih positif berbanding tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi negara juga menampakkan potensi yang lebih cerah dengan pelbagai insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memantapkan pertumbuhan ekonomi Negara.
- 2.2 Di Negeri Kedah, trend perbelanjaan negeri masih lagi mencatatkan peningkatan berbanding prestasi hasil yang sederhana. Ini menyebabkan defisit terkumpul dalam Kumpulan Wang Disatukan tidak mencatatkan

pengurangan yang ketara. Bagi mengambil peluang daripada insentif yang diperkenalkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri perlu menggiatkan usaha bagi menjana hasil yang lebih bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi negeri.

- 2.3 Semua jabatan perlu memainkan peranan bagi mengkaji hasil-hasil baru di samping menjalankan kajian semula kadar-kadar hasil sedia ada bagi mengembangkan tumpuan kepada sumber tradisi iaitu hasil tanah dan pembalakan.
- 2.4 Tuggakan hasil negeri yang tinggi bagi tunggakan hasil tanah, tunggakan hasil perumahan (PAKR) dan tunggakan cukai hiburan memerlukan pendekatan penguatkuasaan yang lebih agresif supaya kutipan hasil dapat ditingkatkan dan isu tunggakan dapat dikurangkan.

3.0 DASAR DAN STRATEGI PENINGKATAN HASIL NEGERI

- 3.1 Seperti pada tahun-tahun lepas, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi penekanan yang lebih mantap kepada strategi dan kaedah pungutan hasil bagi memaksimumkan kutipan hasil secara keseluruhannya.
- 3.2 Sehubungan itu, bagi meningkatkan dan memberangsangkan prestasi kutipan dan tunggakan hasil, beberapa langkah dan strategi perlu dilaksanakan. Langkah dan strategi tersebut adalah:
 - 3.2.1 Kajian dan semakan semula Fi Perkhidmatan Lesen dan Permit di dalam Akta/Enakmen/Peraturan-Peraturan Persekutuan yang melibatkan Hasil Negeri sedang dijalankan bagi menentukan sesuatu kadar yang berpatutan dan bersesuaian mengikut perkembangan semasa dan seragam dengan negeri-negeri lain.

- 3.2.2 Memperkemaskan tindakan penguatkuasaan dan pemutihan data untuk mengurangkan tunggakan terutamanya tunggakan hasil tanah dan perumahan (Perumahan Kos Rendah).
- 3.2.3 Kajian perlu dibuat dalam mengenalpasti sumber hasil baru yang belum diterokai berdasarkan semakan dan perbandingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.
- 3.2.4 Memperkemaskan tindakan penguatkuasaan ke atas kegagalan pembayar cukai dan pelanggaran syarat-syarat kegunaan tanah dan perlesenan.
- 3.2.5 Mewujudkan kerjasama yang bersepadu antara agensi kerajaan dalam urusan kutipan hasil cukai hiburan dan lesen hiburan.
- 3.2.6 Pemantauan dan pemeriksaan berkala dari pihak-pihak yang berkaitan bagi mengenalpasti sumber-sumber hasil baru di samping sumber-sumber tradisi.
- 3.2.7 Memantap dan memperkemaskan sistem kutipan hasil tanah serta mempertingkatkan kaedah-kaedah pembayaran hasil dan membuat kutipan hasil secara bergerak.
- 3.2.8 Melipatgandakan usaha bagi mengutip hasil tanah sama ada secara turun padang atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai.
- 3.2.9 Merangka kaedah untuk mengkaji semula syarat-syarat kegunaan tanah bagi pempercepatkan proses pembayaran serta menarik pelaburan.

4.0 ASAS-ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2016

- 4.1 Anggaran Hasil yang dikemukakan hendaklah realistik dan mempunyai justifikasi yang kukuh bagi menyokong anggaran hasil yang dikemukakan.

4.2 Dalam penyediaan cadangan anggaran hasil perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- 4.2.1 Mengenalpasti polisi kerajaan yang berkaitan dengan hasil negeri yang akan dilaksanakan pada tahun anggaran.
- 4.2.2 Mengenalpasti program atau projek yang akan dilaksanakan yang dijangka akan menambah kutipan hasil.
- 4.2.3 Mengkaji tindakan-tindakan dan inisiatif jabatan seperti permodenan sistem kutipan yang akan memberi impak kepada peningkatan kutipan hasil negeri (Contoh bagi jabatan yang membuat potongan gaji kepada penyewa rumah kediaman/kuarters, hendaklah mengisi terimaan hasil bagi kod berkenaan.)
- 4.2.4 Mengkaji kemungkinan terdapat sumber-sumber hasil baru yang boleh menambah kutipan hasil.
- 4.2.5 Mengkaji persekitaran pembangunan dan suasana ekonomi yang mungkin mempengaruhi kutipan hasil.
- 4.2.6 Mengambil kira kutipan sebenar hasil bagi tiga tahun kebelakangan sebagai asas anggaran.

5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2016

- 5.1 Cadangan Anggaran Hasil yang dikemukakan hendaklah menggunakan format-format berikut:-
 - 5.2.1 ABM 7A – Ringkasan Hasil Tahun 2016 Mengikut Objek Sebagai.
 - 5.2.2 ABM 7B – Butiran Hasil Tahun 2016 Mengikut Objek Lanjut.
[Format borang – borang berkenaan disertakan seperti lampiran berkelat]

5.2 Justifikasi ke atas peningkatan atau pengurangan Anggaran Hasil adalah diperlukan bagi setiap kod dan hendaklah dikemukakan beserta format Anggaran Hasil.

6.0 PEMERIKSAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2016

6.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Hasil akan diadakan serentak dengan Pemeriksaan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2016 akan diadakan pada bulan Mei dan Jun 2015.

7.0 PENUTUP


7.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2016 selewat-lewatnya pada 30 April 2015 ke Seksyen Hasil, Perbendaharaan Negeri dalam 2 salinan mengikut format yang ditetapkan dan sesalinan dimel terus kepada najwaismail@kedah.gov.my untuk tindakan selanjutnya.

7.2 Sebarang pertanyaan dan maklumat yang diperlukan hendaklah dirujuk kepada Unit Hasil, Perbendaharaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(YB DATO' HAJI BAKAR BIN DIN

DSDK., AMK., BCK.)

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

24 Mac 2015.

Sk: *P.Kw.N(K)0801 Jld.8*

P.Kw.N(K)0223/2015